

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Cuti Panjang
Sidang Akademik 1997/98

April 1998

AAW415 - PERCUKAIAN II

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH (10)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Kisawit Bhd., sebuah syarikat bermastautin, menjalankan perniagaan pekilangan dan perladangan kelapa sawit (ladang diperolehi pada 1.4.1996). Akaun pendapatannya bagi tahun berakhir 30.9.1996 adalah seperti berikut:

Kisawit Bhd.
Akaun untuk rugi bagi tahun berakhir 30.9.1996

	<u>Nota</u>	<u>Kilang</u> RM'000	<u>Ladang</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Jualan		69,080	50,220	119,300
Kos jualan	a	16,500	13,080	29,580
Untung kasar		<u>52,580</u>	<u>37,140</u>	<u>89,720</u>
Pendapatan lain				
Dividen	b	6,300	-	6,300
Jumlah pendapatan		<u>58,880</u>	<u>37,140</u>	<u>96,020</u>
Belanja pentadbiran				
dan kewangan	c	11,280	5,890	17,170
Untung sebelum cukai		<u>47,600</u>	<u>31,250</u>	<u>78,850</u>
		<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>

...2/-

Nota:

(a) Kos jualan termasuk:

(i) **Stok akhir kilang:** Ini adalah ditetapkan selepas memotong suatu peruntukan stok usang berdasarkan kepada polisi memperuntukkan kadar 10% ke atas semua stok akhir. Stok kilang telah dikurangkan dari RM5,000,000 pada 1.10.1995 ke RM3,000,000 pada 30.9.1996. Tiada stok ladang pada akhir tahun.

(ii) **Belanja penyelidikan dan perkembangan**

	<u>Kilang</u> RM'000	<u>Ladang</u> RM'000
Bahan mentah untuk penyelidikan	70	50
Seminar teknik penyelidikan	40	30
Penyelidikan pemasaran	80	-
Kawalan kualiti dan ujian produk	100	-
	<hr/>	<hr/>
	290	80
	<hr/>	<hr/>
	= =	= =

Permohonan telah dibuat untuk belanja penyelidikan dan perkembangan diluluskan dan kebenaran telah diperolehi.

(iii) **Susutnilai:** RM2,000,000 bagi kilang dan RM700,000 bagi ladang.

(iv) **Perbelanjaan tanam semula:**

	<u>Dari kelapa sawit ke kelapa sawit</u> RM'000	<u>Dari getah ke kelapa sawit</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Kos menaman termasuk penyiapan tanah	170	300	470
Kos penyengaraan selepas menanam	80	130	210
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	250	430	680
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	= =	= =	= =

(b) Dividen-dividen berikut telah diterima daripada syarikat bersekutu:

	<u>Tarikh</u>	<u>Bersih (RM'000)</u>
Pertengahan	15.11.1995	2,100
Akhir	1.7.1996	4,200
Pertengahan	15.11.1996	3,500

Pelaburan dalam syarikat bersekutu telah diperolehi pada Februari 1994 dengan kos RM8,000,000.

(c) Belanja pentadbiran dan kewangan meliputi:

	<u>Nota</u>	<u>Kilang</u> RM'000	<u>Ladang</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Gaji dan elaun		3,050	2,040	5,090
Bayaran guaman dan ikhtisas	(i)	-	400	400
Sewaan peralatan	(ii)	600	-	600
Pembaikan dan penyengaraan		1,000	850	1,850
Bunga	(iii)	3,500	-	3,500
Belanja pemasaran dan pengagihan	(iv)	2,630	2,200	4,830
Susutnilai		500	400	900
		<u>11,280</u>	<u>5,890</u>	<u>17,170</u>
		<u>=====</u>	<u>=====</u>	<u>=====</u>

(i) Bayaran guaman dan ikhtisas:

	<u>Ladang</u> RM'000
Pelawaan pekerja	60
Bayaran pengajian viabiliti	150
Bayaran ikhtisas perolehan	
ladang	70
Bayaran pengurusan	120
	<u>400</u>
	<u>=====</u>

- (ii) Sewaan peralatan termasuk kenderaan berikut:

	<u>Sewaan bulanan</u>
Volvo	RM5,000 dari 1.9.1995
Mercedes Benz	RM8,000 dari 1.2.1996

- (iii) Semua belanja bunga dibenarkan di bawah S33(2).

- (iv) Belanja pemasaran dan pengagihan termasuk:

	<u>Kilang</u> RM'000	<u>Ladang</u> RM'000
Keraian pelanggan luar negeri	60	50
Kos pengiklanan luar negeri	100	30
Premium insurans eksport kepada syarikat insuran tempatan	120	90
Belanja tender mencari pelanggan	-	40

- (d) Aset tetap (seperti yang diadakan dalam kunci kira-kira) yang layak bagi elaun modal ialah:

(i)	<u>Kilang</u>	<u>Tahun pembinaan/ perolehan</u>	<u>Kos</u> RM'000	<u>Kadar elaun</u> %
	Kilang pengeluaran	1994	16,000	2
	Jentera dan mesin	1994	40,000	8
	Pertambahan jentera dan mesin	1996	2,500	8

Syarikat memohon dan diberikan elaun cukai pelaburan pada 1.1.1994. Baki elaun cukai pelaburan pada 1.10.1995 ialah RM2,800,000.

(ii)	<u>Ladang</u>	<u>Tahun pembinaan</u>	<u>Kos</u> RM'000
	Rumah kediaman pekerja	1996	600
	Bangunan lain	1996	400

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan terkecuali dan cukai kena dibayar oleh Kisawit Bhd. bagi tahun taksiran 1997.

[26 markah]

...5/-

2. (a) Halaman Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 1.4.1987 dengan objektif memajukan tanah dan perumahan. Pada 1989 Halaman Sdn. Bhd. memperolehi sekeping tanah kosong dan membina 8 unit rumah kedai 2 tingkat. 7 unit tersebut dilupuskan dan ditaksirkan cukai pendapatan ke atas untung dari jualan tersebut pada 1.8.1993. Unit yang tinggal ditunjukkan sebagai stok niaga dalam kunci kira-kira Halaman Sdn. Bhd.

Pada 1.10.1994 Halaman Sdn. Bhd. mengambil keputusan supaya menggunakan unit tersebut sebagai pejabat operasi. Unit tersebut dikelaskan sebagai aset tetap. Pada 1.6.1997 Halaman Bhd. melupus unit tersebut dengan keuntungan besar.

Dikehendaki:

Terangkan pencukaian mengenai:

- (i) pengelasan unit rumah kedai yang tinggal dari stok niaga ke aset tetap.
 - (ii) pelupusan unit rumah kedai kelak.
- (b) Pencipta Bhd., sebuah syarikat bermastautin, adalah tokoh pengeluar komponen plastik di Malaysia. Baru Bhd., sebuah syarikat bermastautin, ingin mengeluarkan komponen plastik tersebut dan memilih Pencipta Bhd. supaya membantunya. Pencipta Bhd. mengambil langkah mendedahkan teknologi terkini dan proses sulit kepada Baru Bhd. dengan balasan "bayaran modal" sebanyak RM5,000,000. Pencipta Bhd. juga menerima bayaran tahunan sebanyak RM40,000 kerana memberi nasihat teknikal kepada Baru Bhd. Pencipta Bhd. tidak pernah menandatangani perjanjian begitu dengan mana-mana pihak lain.

Dikehendaki:

Terangkan sama ada bayaran-bayaran yang diterima oleh Pencipta Bhd. dikenakan cukai.

[12 markah]

...6/-

3. Laris Sdn. Bhd., sebuah syarikat dalam perniagaan perabut, membuat pinjaman untuk perniagaan perabut dan juga pelaburannya. Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.1996 belanja bunga Laris Sdn. Bhd. yang tidak dibenarkan di bawah S33(2) ialah RM400,000. Selain daripada ini, Laris Sdn. Bhd. juga membuat pinjaman lain untuk mengendalikan pelaburan tertentu.

Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.1996 akaun Laris Sdn. Bhd. menunjukkan pelaburan dan pendapatannya seperti berikut:

(a)	<u>Simpanan tetap</u>	<u>Amaun</u> RM'000	<u>Pendapatan bunga</u> RM'000
	Simpanan tetap No.1	80	10
	Simpanan tetap No.2	120	-
		<hr/> 200	<hr/> 10
		<hr/> = =	<hr/> = =

(b) Syer (bukan syarikat bersekutu)

	<u>Bilangan syer</u>	<u>Kos</u> RM'000	<u>Pendapatan</u> <u>dividen (kasar)</u> RM'000
Kuning Bhd.	10,000	200	20
Biru Bhd.	10,000	1,400	20
Hijau Bhd.	30,000	200	40 (dikecualikan cukai)
Putih Bhd.	10,000	200	144
Hitam Bhd.	10,000	1,400	-
		<hr/> 3,400	<hr/> 224
		<hr/> = = =	<hr/> = =

10,000 syer dalam Kuning Bhd. telah diperolehi melalui pinjaman khusus untuk tujuan pelaburan ini dan belanja bunga yang telah dikenakan ialah sebanyak RM20,000.

(c)	<u>Harta</u>	<u>Kos</u> RM'000	<u>Pendapatan</u> <u>sewa (RM'000)</u>	<u>Belanja sewa</u> (termasuk bunga) RM'000
	Banglo	-	120	12
	Kondominium	400	-	10
	Kedai A	200	24	6
	Kedai B	200	48	8
		<hr/> 800	<hr/> 192	<hr/> 36
		<hr/> = =	<hr/> = =	<hr/> = =

Banglo telah dihadiah kepada Laris Sdn. Bhd. sedangkan Kedai B diperolehi melalui suatu pinjaman bank yang terkhusus bagi tujuan ini dan bunga yang dikenakan ialah RM24,000.

Nilai pasaran banglo tersebut pada 31.12.1996 ialah RM1,000,000.

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan larasan sumber-sumber bukan perniagaan Laris Sdn. Bhd. bagi tahun taksiran 1997 menurut garispanduan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

[12 markah]

4. Pada 1.6.1991 Harta Holdings Sdn. Bhd. memperolehi 2 juta syer biasa bernilai RM1 syer di dalam Tanah Sdn. Bhd., sebuah syarikat terkawal dengan balasan sebanyak RM3 juta.

Harta Holdings Sdn. Bhd. mendapatkan lagi 2 juta syer biasa pada nilai par Tanah Sdn. Bhd. pada 1.3.1995 sebagai pelaburan tambahan melalui keluaran hak.

Tanah Sdn. Bhd. memiliki dua blok kompleks pejabat di Pulau Pinang yang diperolehi pada tarikh-tarikh seperti berikut:

	<u>Tarikh perolehan</u>	<u>Kos perolehan</u> RM'000
Kompleks No.1	1.1.1990	4,000
Kompleks No.2	2.2.1995	10,000

Tanah Sdn. Bhd. menyediakan akaunnya hingga 30 November setiap tahun dan menilai semula kompleks No.1 ke RM8 juta pada 30.11.1994 berdasarkan satu penilaian ikhtisas.

...8/-

Kunci kira-kira Tanah Sdn. Bhd. pada 30.11.1996 adalah seperti berikut:

	<u>RM'000</u>
Aset tetap	
Kompleks pejabat No.1 & No.2	18,000
Jentera dan mesin	2,000
 Aset semasa	 2,000
Liabiliti semasa	 (1,000)
	 <hr/> 21,000
	= = = =

Diwakili oleh:

Modal dikeluarkan dan dibayar 10 juta syer biasa @ RM1 satu	10,000
Keuntungan tertahan dan resab modal	6,000
Liabiliti jangka masa panjang	5,000
	<hr/> 21,000
	= = = =

Harta Holdings Sdn. Bhd. melupuskan kesemua syernya dalam Tanah Sdn. Bhd. pada 20.2.1997 dengan harga RM8 juta.

Dikehendaki:

Kirakan cukai keuntungan jualan harta tanah yang kena dibayar oleh Harta Holdings Sdn. Bhd.

[16 markah]

5. Bina Bhd. ditubuhkan supaya mengeluarkan produk P, suatu produk yang disenaraikan dalam Arahan Penggalakan Pelaburan (aktiviti dan keluaran digalakkan) 1995. Perbelanjaan dan keuntungan yang diramalkan adalah seperti berikut:

	<u>1997</u>	<u>1998</u>	<u>1999</u>	<u>2000</u>	<u>2001</u>	<u>RM'000</u>
						<u>Jumlah</u>
Tanah	5,000	-	-	-	-	5,000
Bangunan	6,000	10,000	-	-	-	16,000
Jentera & mesin	20,000	4,000	1,000	1,000	400	26,400
Untung bersih sebelum cukai	1,800	3,000	4,000	5,000	8,000	21,800

...9/-

Andaikan caj susutnilai adalah sama dengan elaun modal.

Dikehendaki:

Tentukan sama ada taraf perintis atau elaun cukai pelaburan membawa lebih manfaat kepada Bina Bhd.

[16 markah]

6. Amanah Raya adalah bermastautin di Malaysia dan mempunyai sumber pendapatan berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 1996:

Perniagaan (Malaysia - pendapatan statutori)	RM50,000
Perniagaan (bukan Malaysia - Jepun) (RM40,000 dikirimkan ke Malaysia)	RM60,000
Benefisiari A (pemastautin) -	Berhak mendapat 1/3 pendapatan boleh agih dari Amanah Raya
Benefisiari B (pemastautin) -	Berhak mendapat 1/3 pendapatan boleh agihan dari Amanah Raya
	- Bagi tahun berakhir 31 Disember 1996 B menerima RM20,000 dan juga RM4,000 dari sumber perniagaan Jepun di Malaysia
Benefisiari C (bukan - pemastautin dan bukan warga negara)	Berhak menerima 1/3 pendapatan boleh agih dari Amanah Raya

Dikehendaki:

(a) Kirakan pendapatan statutori benefisiari A.

(b) Kirakan cukai kena dibayar oleh:

- (i) Amanah Raya
- (ii) Benefisiari B

[18 markah]

...10/-

LAMPIRAN

Cukai pendapatan individu yang kena dibayar

Kum. berpendapatan bercukai (RM)	(RM)	Jumlah cukai
1 - 2,000	0% di atas yang pertama	2,500 0
2,501 - 5,000	2% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>2,500</u> <u>5,000</u> 50 50
5,001 - 10,000	4% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>5,000</u> <u>10,000</u> 200 250
10,001 - 20,000	6% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>10,000</u> <u>20,000</u> 600 850
20,001 - 35,000	10% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>15,000</u> <u>35,000</u> 1,500 2,350
35,001 - 50,000	16% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>15,000</u> <u>50,000</u> 2,400 4,750
50,001 - 70,000	21% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>20,000</u> <u>70,000</u> 4,200 8,950
70,001 - 100,000	26% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>30,000</u> <u>100,000</u> 7,800 16,750
100,001 - 150,000	29% di atas yang berikut Di atas yang pertama	<u>50,000</u> <u>150,000</u> 14,500 31,250
Melebihi 150,000	30%	

---ooo000ooo---